

H m
14/3/17

DAUN RERAMA PENAWAR PENYAKIT



Sesuai pelbagai jenis baja, tahan lasak dan tidak perlu perhatian lebih

Nor Hanisah Kamaruzaman
rencana@hmetro.com.my

Daun rerama atau nama saintifiknya *Mariposa christia vespertilionis* semakin dikenali kerana dikatakan berupaya menjadi penawar penyakit berbahaya seperti barah.

Selain itu, daun-rerama turut didakwa mampu mengubati penyakit denggi, angin ahmar, darah tinggi, kencing manis, lelah, migrain, resdung, demam campak serta masalah usus seperti gastrik.

Kini, pokok berkenaan mudah didapati selepas ia menjadi fenomena dan boleh dijumpai di hampir setiap nurseri dan kediaman.

Pengarah Urusan dan Pakar Landskap Enrich

dikerat," katanya.



Langkah pertama, sediakan campuran tanah yang terdiri daripada sabut, tanah merah (top soil), pasir, tanah dan baja.

Kemudian, sediakan pasu plastik kecil yang berlubang di bahagian bawah pasu.

Keratan batang yang dikerat sebaiknya dicelup dalam air terlebih dahulu sebelum diletakkan ubat penggalak akar pada pangkal pokok untuk menggalakkan pertumbuhan akar.

"Selepas lubang dibuat, pacakkan keratan batang dan kemudian tutup dengan cermat tanpa merosakkan batang berkenaan," katanya.

Ia hendaklah terus disiram bagi memastikan



1. GUNA campuran tanah dan masukkan ke dalam pasu kecil yang berlubang di bahagian bawah.

2. RENDAM pangkal pokok ke dalam air terlebih dahulu

sebelum letak ubat penggalak akar.
3. LETAK ubat penggalak akar pada pangkal pokok bagi memudahkan akar tumbuh dengan cepat.

4. GUNA alatan bersesuaian untuk membuat lubang bagi memudahkan keratan itu masuk dengan cermat dan elakkan cucuk terus ke dalam tanah.

5. TUTUP lubang berkenaan selepas ia dipacakkan dengan cermat.

6. LETAKKAN pokok di bawah tempat teduh seperti teduhan pokok besar bagi mengelakkan terkena cahaya matahari terus.

7. POKOK hendaklah dikerat selepas mencecah ketinggian sekitar 0.3 meter bagi membolehkan ia membesar dan bercabang.

Focus Sdn Bhd Maznah Ariffin berkongsi cara penanaman dan penjagaan pokok berkenaan yang boleh dilakukan sendiri di rumah.

Maznah berkata, penanaman boleh dibuat melalui dua kaedah iaitu sama ada melalui biji benih atau keratan batang.

“Kedua-dua kaedah penanaman ini mampu dilakukan sendiri di rumah namun, tempoh penumbuhan menerusi keratan batang lebih cepat berbanding penanaman melalui anak benih.

“Anak benih boleh didapati pada pokok itu sendiri dan keratan batang juga boleh dibuat sekiranya pokok itu mencapai tahap kematangan dan sesuai

pokok itu serasi dengan suasana baru.

Katanya lagi, pokok yang sudah disiram itu hendaklah diletakkan di tempat teduh seperti di celahan pokok besar bagi mengelakkan ia terkena cahaya matahari terus.

Selain mudah ditanam, pokok daun rerama juga dikatakan tahan lasak dan tidak memerlukan perhatian yang lebih.

Bagi memastikan pokok berkenaan naik lebih tinggi, pastikan ia dicantas ketika mencapai ketinggian sekitar 0.30 hingga 0.45 meter.

“Dalam tempoh sekitar dua bulan, hasil keratan batang itu boleh mencapai sehingga 0.6 meter dan akan berbunga serta menghasilkan biji benih.



Jadi, kita boleh biakkan semula pokok itu melalui biji benih atau keratan batang.

“Hasil pokok boleh dituai selepas ia berusia sekitar empat bulan sama ada dikeringkan untuk dijadikan teh atau direbus lama dan air hasil rebusan itu diminum,” katanya.

Pokok ini sebaiknya disiram dua kali sehari atau sekurang-kurangnya sekali sehari mengikut kesesuaian.

“Lebih baik sekiranya periksa keadaan tanah terlebih dahulu sama ada kering atau lembap. Jika ia masih lembap, tidak perlu membuat penyiram lagi dan tunggu sehingga hari esok,” katanya.

Maznah berkata lagi, pokok daun rerama juga tidak cerewet kerana sesuai dengan pelbagai jenis baja.

MAZNAH menunjukkan biji benih yang mula keluar selepas dua bulan.

